

Kelulusan	/
Makluman	

**KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP SENAT DASAR DAN ENTITI AKADEMIK**

**KERTAS KERJA PERMOHONAN KOD AKTIF KHAS BAHARU BAGI
PELAKSANAAN PENYELIAAN SECARA JARAK JAUH (*REMOTE SUPERVISION*)
IJAZAH SARJANA PENYELIDIKAN DAN DOKTOR FALSAFAH**

	Disediakan oleh	Disemak oleh	Diperakukan oleh
Tandatangan			
Nama	Pn. Najwa binti Mohamed	Prof. Madya Dr. Mohamad Kasim bin Abdul Jalil	Prof. Dr. Zainuddin Bin Abdul Manan
Jawatan	Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD)	Pengarah Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD)	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Tarikh			

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP SENAT**

**KERTAS KERJA PERMOHONAN KOD AKTIF KHAS BAHARU BAGI
PELAKSANAAN PENYELIAAN SECARA JARAK JAUH (*REMOTE SUPERVISION*)
IJAZAH SARJANA PENYELIDIKAN DAN DOKTOR FALSAFAH**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat bagi mewujudkan kod aktif khas baharu pelajar yang mendaftar secara penyeliaan jarak jauh (*remote supervision*) Ijazah Sarjana Penyelidikan dan Program Kedoktoran.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengambilan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan proses kerja utama universiti bagi memperkasakan pengajian tinggi negara serta membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Bilangan pengambilan setiap semester juga menjadi penyumbang utama statistik enrolmen peringkat universiti dan negara.
- 2.2 Setiap semester, UTM menerima permintaan daripada calon pelajar terutamanya calon pelajar antarabangsa yang bekerja sepenuh masa di luar negara untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah secara penyeliaan jarak jauh.

- 2.3 Tujuan kaedah penyeliaan jarak jauh diperkenalkan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah mendaftar program Ijazah Sarjana Penyelidikan dan Program Kedoktoran adalah untuk memudahkan pelaksanaan penyelidikan di luar kampus UTM sama ada di dalam atau di luar negara tanpa perlu berada di UTM sepanjang tempoh pengajian.
- 2.4 Mod ini bukan menggantikan opsiyen ‘tanggung pengajian’ dan tidak boleh dijadikan sebab untuk pelajar tidak hadir ke universiti bagi menjalankan penyelidikan.
- 2.5 Sehingga kini, tiada kod aktif khusus bagi pelajar-pelajar yang melaksanakan pengajian dalam bentuk penyeliaan jarak jauh. Hanya persetujuan tanpa rekod dari fakulti berkaitan diperoleh untuk membenarkan pelajar-pelajar berkaitan melaksanakan pengajian secara jarak jauh.
- 2.6 Pada masa ini, UTM juga tidak dapat mengenalpasti dan mengeluarkan statistik bilangan sebenar pelajar yang sedang melaksanakan pengajian secara penyeliaan jarak jauh ini. Oleh yang demikian, pengenalan kod khas untuk mod Penyeliaan Jarak Jauh adalah untuk tujuan keberkesanan pengurusan program ini.
- 2.7 Pada masa ini, UTM melalui Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) telah mewujudkan beberapa dokumen rujukan berkaitan kaedah pelaksanaan penyeliaan jarak jauh ini iaitu seperti berikut:
- i. Kod Amalan Penyeliaan Jarak Jauh (KAPS-16)
 - ii. Panduan Penyeliaan Jarak Jauh Ijazah Sarjana Penyelidikan

3.0 TUJUAN / OBJEKTIF

3.1 Tujuan pewujudan kod aktif khas baharu bagi pelajar kaedah penyeliaan jarak jauh adalah seperti berikut:

3.1.1.1 Mengenalpasti dan mewujudkan rekod pelajar yang didaftarkan secara kaedah penyeliaan jarak jauh.

3.1.1.2 Memudahkan proses pemantauan pelajar-pelajar berkaitan di peringkat unit-unit yang berkaitan seperti Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD), Bahagian Pengurusan Akademik (AMD), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), UTM International, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) dan fakulti/sekolah berkaitan.

3.1.1.3 Mengeluarkan statistik pelajar penyeliaan jarak jauh bagi tujuan pelaporan.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

4.1 Berikut merupakan beberapa cadangan pelaksanaan kod baharu bagi kaedah penyeliaan jarak jauh:

4.1.1 Pelaksanaan kod baharu ini dicadangkan untuk dilaksanakan mulai ambilan semester 1 sesi 2018/2019 (ambilan September 2018).

4.1.2 Kod baharu ini dicadangkan diwujudkan di Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (AIMS).

4.1.3 Kod abjad yang akan mewakili kod aktif khas penyeliaan jarak jauh adalah 'R' iaitu mewakili *remote*. Kod aktif khas ini akan menjadi sub kod kepada kod Aktif (A).

4.1.4 Kod ini hanyalah sebagai panduan dan rujukan dalaman universiti dan tidak dihebahkan ke institusi luar. Definisi terperinci berkaitan kod pelaksanaan penyeliaan secara jarak jauh tidak akan mengubah kod program sedia ada mahupun di dalam surat tawaran calon pelajar.

4.1.5 Cadangan contoh pewujudan kod aktif khas baharu yang melibatkan kaedah pelaksanaan penyeliaan jarak jauh adalah seperti di **Rajah 1**:

The screenshot shows a web-based form titled "Mewujudkan Semester Pelajar - Individu". The form contains various fields for student and course information. A red box highlights the "Kod Aktif Khas" field, which contains the letter "R" and is labeled "Penyeliaan Jarak Jauh". Other fields include "No. KP", "Nama", "Barkod", "Pegguna", "Tarikh", "Masa", "Sesistem", "Rekod Semester", "Kampus", "Fakulti", "Jabatan", "Penganjur", "Kod aktif", "Kod Aktif Khas", "Sesistem Mula", "Tarikh Daftar Kursus", "Program", "Kurikulum", "Kaedah Pelaksanaan", "Lokasi", "Keterangan Program", "Penyelia Dalam", "Penyelia Ke", "No Kerja", "Nama", "Tugas", "Jenis Penyeliaan", "User/Tkh kkini", "Penyelia Luar", "NoKp", "Nama", "Status", "Jawatan", "NoTel", "E-Mail", "Majikan", "User/Tkh kkini", "Tambah", "Buang", "Simpan", "Tutup", "w_create_sem", and "Sila Masukkan NoKp dan [Enter]".

Rajah 1: Contoh cadangan kod aktif khas bagi kaedah pelaksanaan secara jarak jauh

5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 5.1 Program ini tidak memerlukan peruntukan kewangan tambahan dan kadar yuran bagi kaedah pelaksanaan jarak jauh ini adalah sama seperti kadar yuran perdana mod penyelidikan.

6.0 KEPUTUSAN UNIVERSITI

- 6.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Dasar dan Entiti Akademik adalah dengan segala hormatnya diminta menimbang dan meluluskan permohonan mewujudkan kod aktif khas baharu bagi pelaksanaan penyeliaan secara jarak jauh Ijazah Sarjana Penyelidikan dan Program Kedoktoran.